

27/01/1999

Filem hina Nabi Musa diharam

KUALA LUMPUR, Selasa -Lembaga Penapisan Filem Malaysia (LPFM) mengharamkan penayangan filem animasi muzikal terbaru Hollywood berjudul The Prince of Egypt berkuat kuasa hari ini, tanpa menyatakan sebarang alasan.

Setiausahanya, Lukeman Said, berkata pihaknya akan memberikan sebab filem itu diharamkan kepada syarikat pengedar filem itu di sini.

"Kami hanya beritahu syarikat pengedar mengapa filem itu diharamkan. Kami tidak boleh menghebahkannya kepada orang lain.

"Tapi antara sebab The Prince of Egypt diharamkan kerana filem itu tidak sesuai untuk tontonan rakyat Malaysia," katanya kepada Reuters, hari ini.

Sementara itu, pegawai di United International Pictures (UIP), syarikat pengedar filem berkenaan di Malaysia semasa dihubungi enggan mengulas mengenai perkara itu.

"Filem itu tidak diluluskan," kata seorang jurucakap rangkaian panggung wayang Tanjong Golden Village (TGV).

Filem The Prince Of Egypt yang memaparkan kehidupan Nabi Musa, sebelum ini sudah diharamkan di Maldives dan tindakan itu akan diikuti beberapa negara Islam lain.

Mengikut ajaran Islam "semua wajah nabi, Rasul dan utusan Allah, tidak boleh digambarkan dalam apa bentuk sekalipun".

Malaysia yang majoriti penduduknya beragama Islam, mempunyai peraturan penapisan yang tegas terhadap filem-filem yang mengandungi adegan bogel, seks, bahasa lucah, ganas, jenayah dan menyentuh hal sensitif seperti agama, politik atau perkauman.

Filem The Prince of Egypt mula ditayangkan di Amerika Syarikat bulan lalu, dijadualkan ditayangkan di negara ini bulan depan.

Filem itu diterbitkan oleh Dreamworks Studios, dimiliki bersama Steven Spielberg yang pernah melanggar undang-undang penapisan filem Malaysia sebelum ini. The Prince of Egypt dalam filem keempat Spielberg tidak mendapat kelulusan untuk ditayangkan di negara selepas Schindler's List, Amistad dan Saving Private Ryan.

Pada Disember lalu, Spielberg mempertikaikan tindakan pihak berkuasa tidak membenarkan penayangan filem epik Perang Dunia Kedua Saving Private Ryan.

LPF bersetuju meluluskan filem itu tetapi dengan syarat membuang beberapa adegan ganas. Spielberg menolak syarat itu dan mendesak UIP membatalkan penayangannya di negara ini.

Dalam kes filem Schindler's List pihak berkuasa mengharamkan filem itu kerana ia memaparkan simpati kepada bangsa Yahudi kerana dizalimi oleh Nazi. Keputusan LPF itu mendapat sokongan daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ketika itu Menteri Dalam Negeri.

(END)